

## **FAQ BONUS PENDEPOSIT TH 2015**

### **BONUS TAHUNAN DAN BONUS HAJI**

#### **1. Berapakah Bonus Pendeposit TH 2015?**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah mengisytiharkan pembayaran bonus tahunan **TH** sebanyak **5%** dan bonus haji sebanyak **3%** kepada pendeposit yang layak bagi tahun kewangan 2015.

#### **2. Apakah Bonus Tahunan?**

Bonus Tahunan adalah hibah atau hadiah yang diisythihar oleh **TH**, berdasarkan konsep Wadiah Yad Dhamanah iaitu mengikut kemampuan kewangan **TH** pada tahun semasa.

#### **3. Apakah Bonus Haji ?**

Bonus Haji adalah hibah atau hadiah khas yang diberikan kepada pendeposit **TH** yang masih belum pernah menunaikan haji dan terhad kepada bayaran haji semasa (RM9,980).

#### **4. Siapakah yang layak menerima Bonus Tahunan?**

Semua pendeposit yang mempunyai akaun simpanan **TH** yang berstatus aktif sehingga 31 Disember 2015, layak menerima bonus tahun 2015 pada kadar yang diisythiharkan.

Sekiranya pendeposit menutup akaun sepanjang tahun semasa dan sebelum bonus tahun semasa diisythiharkan, maka kadar yang digunakan adalah kadar bayaran ehsan yang berasaskan kadar simpanan tetap Perbankan Islam untuk tempoh 6 bulan. Tiada pelarasan akan dibuat selepas pada itu.

#### **5. Bagaimanakah cara pengiraan Bonus Tahunan TH 2015?**

Cara pengiraan Bonus Tahunan **TH** 2015 adalah dengan mengambil purata baki minima bulanan selama 12 bulan dan didarabkan dengan kadar yang ditetapkan.

Kiraan: Baki purata minima bulanan X 5.00%

(Januari-Disember 2015/12 Bulan) X 5.00%

## **6. Siapakah yang layak menerima Bonus Haji?**

Semua pendeposit yang mempunyai akaun simpanan **TH** yang berstatus aktif sehingga 31 Disember 2015 dan belum pernah menunaikan haji.

## **7. Bagaimakah cara pengiraan Bonus Haji?**

Cara pengiraan bonus haji adalah dengan mengambilkira purata baki minima bulanan selama 12 bulan dan didarabkan dengan kadar yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, kadar kelayakan maksima adalah purata baki minima bulanan sehingga RM9,980.00 (terhad kepada bayaran haji semasa).

Kiraan: Baki purata minima bulanan X 3.00%

(Januari-Disember 2015/12 Bulan) X 3.00%

Contoh:

Purata Baki Minima Tahunan				
Bil	Kurang daripada RM9,980		Lebih daripada RM9,980	
	Purata Baki Minima	Jumlah Layak Bonus Haji	Purata Baki Minima	Jumlah Layak Bonus Haji
1.	RM9,979.99	RM9,979.99	RM100,000.00	RM9,980.00
2.	RM4,500.00	RM4,500.00	RM25,300.80	RM9,980.00
3.	RM2,000.55	RM2,000.55	RM10,510.54	RM9,980.00
4.	RM730.00	RM730.00	RM9,980.01	RM9,980.00

\*\* Kelayakan maksima pada kadar RM9,980.00 sahaja = RM9,980.00 x 3%

## **8. Bagaimakah bayaran bonus tahunan dan bonus haji dibuat?**

Kedua-dua bayaran bonus ini akan dikreditkan ke dalam akaun pendeposit.

## **9. Bilakah Bonus Pendeposit **TH** 2015 boleh semak?**

Bonus Pendeposit **TH** 2015 ini boleh dibuat semakan pada 10 Februari 2016 (Rabu).

## **10. Adakah pendeposit yang mempunyai akaun pelaburan KWSP di **TH** layak menerima bonus haji?**

Tidak, kerana bonus haji hanya diberikan kepada pendeposit yang mempunyai akaun simpanan **TH** dan belum pernah menunaikan haji.

